

Seminar anjuran misi tarik pelaburan esok

LOS ANGELES, Sabtu. — Rombongan galakan pelaburan Malaysia pimpinan Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini dalam rangka lawatannya untuk menarik lebih ramai pelabur Amerika ke Malaysia.

Ketibaan misi tersebut di bandar ini, yang terkenal di seluruh dunia sebagai tempat tinggal para artis filem dan televisyen, disambut oleh Konsul Malaysia Encik Alexander P. Hixon dan beberapa Pelajar Malaysia.

Dato Seri Dr. Mahathir, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan memulakan seminar pelaburan peringkat tinggi anjuran FIDA di pusat perdagangan dunia di sini Isnin ini.

Seminar tersebut ialah yang pertama dalam lima siri seminar yang akan diadakan kelak di Houston, New York, Chicago dan Seattle sebelum beliau mengadakan sesi berasingan dengan pengusaha dan usahawan Amerika.

Setakat ini, pegawai-pegawai FIDA di sini puashati dengan sambutan kalangan perniagaan di Pantai Barat Amerika terhadap seminar-seminar tersebut.

Mereka yakin Timbalan Perdana Menteri akan dapat mempengaruhi pemikiran

para usahawan dan penguasaha bank di Amerika supaya menimbankan Malaysia bila menilai kemungkinan mengadakan pelaburan di luar negeri.

Buat masa ini Amerika Syarikat merupakan negara ketiga yang mempunyai pelaburan terbanyak di Malaysia iaitu AS\$82.9 juta melalui syarikat-syarikat bertaraf perintis, kebanyakannya dalam perusahaan

elektronik.

Rakan perdagangan utama Malaysia sekarang ialah Jepun dengan jumlah pelaburan AS\$104 juta, diikuti dengan Singapura AS\$98.2 juta.

Dato Seri Dr. Mahathir akan diberi taklimat esok mengenai kegiatan-kegiatan FIDA oleh Pengarah FIDA Kawasan Pantai Barat Amerika, Encik Yaakub Arshad. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia